

KENYATAAN AKHBAR

MBPJ SEDIA SKRIN GERGASI UNTUK PEMINAT BOLASEPAK

Demam Bolasepak kini bermula, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) akan mengadakan program MBPJ *EURO 2012 - PJ FOR EVERYONE*. Program ini merupakan kerjasama antara MBPJ, Taman Mayang OASIS Food Court dan Persatuan Penduduk Taman Mayang Jaya. Sepertimana yang kita sedia maklum, sepanjang bulan Jun ini seluruh peminat sukan di dunia akan tertumpu kepada satu Kejohanan Bolasepak yang berprestij iaitu EURO 2012. Perlawanan pembukaan Euro 2012 akan bermula pada 8 Jun 2012 dan akan ditayangkan mulai jam 10.00 malam di Taman Mayang Jaya.

Ingin juga dimaklumkan, program MBPJ Euro 2012 ini akan menyertai Malaysia Book of Records yang mana perlawanan akhir Euro 2012 ini nanti akan ditayangkan di layar skrin HD yang terbesar di Malaysia. Perlawanan akhir Euro 2012 ini akan ditayangkan pada 1 Julai 2012 di Taman Mayang Jaya bermula jam 8.30 malam. Di harapkan agar semua warga Petaling Jaya dapat mengambil peluang ini untuk bersama-sama menyaksikan dan merasai kemeriahan perlawanan bolasepak ini bersama-sama.

Program ini juga merupakan salah satu acara sempena sambutan ulangtahun ke-6 Bandaraya Petaling Jaya. Di samping itu juga, tujuan program ini diadakan adalah untuk menyemai semangat bersukan dan mewujudkan semangat kekeluargaan seluruh warga Petaling Jaya. Di harapkan melalui penganjuran program seumpama ini, ia dapat memupuk semangat bersatu padu tanpa mengira kaum, bangsa dan agama.

Orang ramai yang hadir untuk menyaksikan perlawanan akhir ini juga turut berpeluang memenangi pelbagai hadiah menarik seperti bola, jersi, cenderamata dan lain-lain. Di harapkan agar pihak media massa dapat bekerjasama untuk menghebahkan program ini kepada orang ramai khususnya penduduk di sekitar Petaling Jaya. Bersama-samalah kita memeriahkan program ini nanti dan semarakkan lagi semangat kesukanan warga Petaling Jaya.

Di sediakan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Perhubungan Awam
Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Laman web : www.mbpj.gov.my , facebook: Petaling Jaya City Council,
twitter : [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel : media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204,
Faks : 03-79582695. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi :
Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, zainun@mbpj.gov.my
Pen. Peg. Perhubungan Awam MBPJ, En Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar,
010-4268050 ahmadiskandar@mbpj.gov.my